

Tarikh Dibaca: 06 Jun 2025M / 09 Zulhijjah 1446H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

“FALSAFAH ARAFAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"FALSAFAH ARAFAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَالسَّمَاءُ ذَاتُ الْبُرُوجِ . وَالْيَوْمُ الْمَوْعُودُ . وَشَاهِدٍ
¹ وَمَشْهُودٍ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقًّا تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ Al-Buruj: 1-3.

² Ali-'Imran: 102.



diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Bersempena hari yang mulia ini bertepatan jatuh pada 9 Zulhijjah, marilah bersama kita menghayati khutbah bertajuk: "**FALSAFAH ARAFAH**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hari ini kita berada pada salah satu daripada hari-hari yang agung dalam Islam, hari yang penuh barakah dan hari terpenting bagi umat Islam yang mengerjakan haji iaitu Hari Arafah. Hari Arafah adalah hari kesembilan Zulhijjah. Pada hari ini, umat Islam yang mengerjakan haji berwukuf iaitu berhenti atau hadir seketika di Padang Arafah. Wukuf di Arafah merupakan rukun haji yang pertama sebagaimana hadis riwayat al-Tirmizi daripada Abdul Rahman bin Ya'mar, bahawa Rasulullah SAW menyifatkan haji itu Arafah.

Hari Arafah menjadi saksi kepada detik agung dalam sejarah Islam iaitu pengkhabaran Allah SWT yang menyatakan penyempurnaan agama dan nikmat-Nya kepada sekalian manusia. Peristiwa ini dirakam dalam surah al-Maidah ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

"Pada hari ini, telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah Aku cukupkan nikmat-Ku untuk kamu dan Aku meredhai Islam itu sebagai agama kamu."

Meskipun kita tidak berpeluang berdiri di Padang Arafah dalam keadaan berihram haji, ketahuilah bahawa Hari Arafah adalah rahmat untuk seluruh umat Nabi Muhammad SAW. Allah SWT tidak mengecualikan kita semua daripada kelebihannya. Dengan itu, siapa yang berpuasa pada Hari Arafah akan mendapat ganjaran penghapusan dosa selama dua tahun iaitu setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Qatadah al-Ansari Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي
قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ...

“...Puasa pada Hari Arafah, aku berharap kepada Allah agar ia dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang...”.

(Riwayat Muslim).

Selain itu, Hari Arafah adalah peluang khas untuk berdoa. Doa pada hari ini sangat mustajab dan Allah SWT berjanji mengabulkan doa-doa terutamanya doa untuk kebaikan dunia dan akhirat. Marilah kita memperbanyakkan doa agar permohonan yang dipanjatkan diperkenan oleh Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda sebagaimana hadis riwayat al-Tirmizi daripada Abdullah bin 'Amr al-'As bahawa sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah. Al-'Allamah Syeikh 'Ali bin Sultan Muhammad al-Qari dalam Mirqat al-Mafatih Syarah Misykat al-Mashabih menjelaskan maksud 'sebaik-baik doa' iaitu yang paling besar ganjarannya dan paling cepat makbulnya.

Hari Arafah juga adalah hari yang dilimpahkan dengan keampunan sehingga dijanjikan dengan pembebasan dari api neraka.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Tidak ada satu hari yang lebih banyak dibebaskan hamba-Nya dari api neraka melainkan pada hari Arafah".

(Riwayat Muslim).

Namun, umat Islam diingatkan pentingnya menjaga hubungan baik sesama manusia, kerana Allah SWT tidak akan mengampuni dosa-dosa mereka yang bermusuhan. Usahakan penyelesaian dan wujudkan perdamaian.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT ,

Setiap tahun tanggal 9 Zulhijjah, Padang Arafah dipenuhi dengan lautan manusia yang datang daripada seluruh pelosok dunia. Di sini berkumpulnya umat Islam tanpa mengira pangkat, bangsa dan harta. Kaya atau miskin, bangsawan atau rakyat jelata. Dengan ketetapan syarak, kesemuanya berpakaian putih. Para jemaah lelaki tidak boleh menutup kepala, tidak boleh memakai pakaian berjahit dan hanya berselipar. Kesemua mereka berada di bawah matahari terik dengan kepadatan manusia yang menghimpit. Tekak dirasakan perit, kaki luka melebet dan suasana dirasakan sempit.

Arafah dengan pelbagai situasi sebegini bagaikan cerminan kecil atau bayangan kepada hari yang lebih genting iaitu Mahsyar yang menghimpunkan seluruh manusia untuk dihisab di akhirat kelak. Marilah kita menjawai perhimpunan di Arafah ini dengan perhimpunan di Mahsyar

sebagai pemangkin kepada penyucian jiwa dan persediaan untuk akhirat. Terdapat beberapa aspek besar yang perlu dihayati bersama antaranya:

Pertama iaitu kepatuhan dan keinsafan. Di Arafah, para jemaah hadir patuh berpakaian seragam putih, tanpa jahitan dan tanpa perhiasan dunia. Sedarlah bahawa persamaan ini hanya dapat diwujudkan dengan perintah serta hukum Allah SWT. Hakikatnya, perhimpunan di Arafah mengajarkan supaya merendahkan diri, meninggalkan keangkuhan dan menginsafi diri. Sesungguhnya, semua manusia akhirnya akan kembali kepada Allah SWT dalam keadaan sehelai sepinggang. Hanya amalan yang akan menentukan kebahagiaan atau kecelakaan.

Kedua ialah ketakutan dan kebimbangan. Di Arafah, tangan-tangan diangkat memohon keampunan, air mata mengalir berlinangan dan wajah-wajah tunduk penuh keinsafan. Di Mahsyar, manusia menangis tetapi bukan lagi dengan harapan namun kerana ketakutan dan penyesalan. Takutnya manusia ketika itu sehingga lari daripada saudaranya, ibunya dan bapanya, isteri dan anak-anaknya. Masing-masing tidak peduli kecuali terhadap dirinya. Di Mahsyar, keadaannya sangat dahsyat lagi menggusarkan. Manusia ketika itu tidak lagi malu atau peduli tentang keadaan mereka yang tidak berpakaian kerana masing-masing diliputi kebimbangan yang bersanggatan terhadap nasib diri di hadapan Allah SWT.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تُحْشِرُونَ حُفَّاً عُرَاءً غُرَّلًا

"Kamu semua akan dihimpunkan (pada hari kiamat) dalam keadaan tidak berkasut, telanjang dan belum berkhatan"



(Riwayat al-Bukhari).

Sedarlah, bahawa doa di Arafah masih lagi mempunyai peluang penerimaan sebaliknya di Mahsyar hanya perhitungan yang menatijahkan pembalasan. Mahsyar adalah hari kekalutan yang di luar bayangan, huruhara yang melumpuhkan dan kebimbangan yang melampau.

Ketiga iaitu peluang dan harapan. Penantian di Arafah dengan kepayahan hanya beberapa waktu sahaja. Ketika di Mahsyar, manusia akan terkejut apabila menyedari betapa singkatnya tempoh kehidupan di dunia. Puluhan tahun di dunia bagaikan sehari atau setengah hari sahaja. Lamanya manusia menanti hisab di Mahsyar berdiri tanpa duduk, tanpa makanan dan tanpa naungan. Sehingga manusia terdesak merayu agar hisab dipercepatkan walau tahu nasibnya mungkin ke neraka. Imam al-Razi dalam tafsirnya terhadap surah al-Mutaffifin ayat 6 menukarkan pandangan tempoh berdiri manusia di Mahsyar adalah selama 300 tahun mengikut masa dunia atau 40 tahun di Mahsyar. Namun bagi orang-orang beriman, masanya bagaikan waktu yang diperlukan dalam menyempurnakan solat.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah bersama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa manusia dengan pelbagai kedudukan darjah dan harta tiada bezanya di sisi Allah SWT kecuali mereka yang bertakwa dan beramal soleh.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perhimpunan Arafah di dunia mengingatkan kita dengan perhimpunan Mahsyar di akhirat. Kesusahan, keperitan dan kesengsaraan di dunia hanya sementara. Dengan

itu, usahakan agar kita memperoleh kesenangan, kejayaan dan kebahagiaan di akhirat yang kekal abadi.

3. Umat Islam hendaklah berusaha menghidupkan hari-hari mulia di sisi Allah SWT dalam bulan Zulhijjah ini iaitu Hari Arafah (9 Zulhijjah) iaitu hari ini, Hari Raya Korban (10 Zulhijjah) dan Hari Tasyrik (11, 12, & 13 Zulhijjah) dengan zikir serta ibadah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنذِرْ بِهِ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَن يُحْشِرُوا إِلَى رَبِّهِمْ لَيْسَ لَهُمْ مِنْ دُونِهِ وَلِئِنْ
وَلَا شَفِيعٌ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ⑤

"Dan berilah amaran dengan (al-Quran) itu kepada orang yang takut akan dihimpunkan di hadapan Tuhan mereka (pada hari kiamat), sedangkan mereka tidak ada pelindung dan pemberi syafaat selain Allah agar mereka bertakwa."

(Surah al-An'am: 51).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

³ Al-Ahzab: 56.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أَمْوَاهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَّةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغَ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Rahmatilah dan peliharalah para jemaah haji yang menjadi tetamu Allah (Duyufurrahman) pada tahun ini. Hindarilah mereka daripada segala kesulitan dan kepayahan, sepanjang keberadaan mereka di bumi Mekah dan Madinah.



اللَّهُمَّ اجْعِلْ حَجَّاً مَبْرُورًا، وَسَعِيًّا مَشْكُورًا،
وَذَنْبَهُمْ ذَنْبًا مَغْفُورًا، وَتِجَارَتَهُمْ تِجَارَةً لَنْ تَبُورَ.

Ya Allah! Jadikanlah ibadah haji mereka ibadah haji yang mabrur, sa'i mereka sa'i yang diterima, dosa mereka dosa yang diampun, perbelanjaan mereka perbelanjaan yang tidak merugikan, wukuf mereka wukuf yang penuh keinsafan, dan kembalikanlah mereka ke tanah air dalam keadaan selamat, sihat wal afiat serta dipenuhi keberkatan.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.